

Pak Lah syor perkampungan kraf di setiap negeri

BH-7/3/2007

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta supaya diwujudkan perkampungan kraf di setiap ibu negeri supaya mudah diakses pelancong serta dapat menjadi tapak kepada karyawan dan tukang tempatan mengembangkan kemahiran mereka.

Perdana Menteri berkata, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan serta Kementerian Pelancongan perlu bekerjasama mewujudkan perkampungan kraf supaya seni kraf tempatan terus dikembangkan.

Abdullah berkata, pusat itu boleh dimanfaatkan melatih generasi muda menguasai kemahiran seni kraf dengan menjadikannya kerjaya menjanjikan pendapatan lumayan.

"Penubuhan pusat itu penting kerana generasi muda yang akan membawa seni kraf tempatan yang berkualiti ke peringkat antarabangsa.

"Kraf janganlah hanya untuk pasaran tempatan, sebaliknya hendaklah berupaya menembusi pasaran dunia dengan dijual di gedung terkemuka dan ternama," katanya berucap melancarkan Hari Kraf Kebangsaan 2007, di Kompleks Kraf, Jalan Conlay, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Kebudayaan Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim; timbalannya, Datuk Wong Kam Hoong; Menteri Pelancongan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Ketua Pengarah Kraftangan Malaysia, Abdullah Ab Rahman.

Perdana Menteri berkata, penghargaan terhadap ketinggian mutu seni kraf tempatan terbukti apabila dibeli syarikat korporat dan hotel, berbanding zaman dulu kraf hanya dibeli golongan istana dan pembesar.

Pada majlis sama, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Tokoh Kraf Negara kepada Habibah Zikri, seorang pengusaha songket. Beliau menerima wang tunai RM30,000, sepasang persalinan songket serta watakah iringan.

Sementara itu, Rais berkata, Hari Kraf Kebangsaan 2007 bertemakan Kraf: Satu Warisan disemarakkan dengan penganjuran ekspo kraf dari 6 hingga 18 Mac di Kompleks Kraf, Jalan Conlay.